



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tiada kes empangan pecah di Cameron Highlands

KUANTAN - Polis mengesahkan berita mengenai empangan pecah di Cameron Highlands yang tular di media sosial dan aplikasi Whats-App adalah palsu.

Ketua Polis Pahang, Datuk Abd Jalil Hassan berkata, sehingga kini tiada kes empangan pecah berlaku di negeri itu.

Menurutnya, pihaknya sentiasa meningkatkan pengawasan di kawasan banjir mahupun dikenalpasti berkemungkinan banjir.

"Baru-baru ini ada ditularkan empangan di Cameron Highlands pecah sehingga menimbulkan kegusaran orang ramai. Saya ingin menegaskan bahawa tiada empangan di mana-mana lokasi di negeri ini pecah.

"Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat semakan dengan pihak polis terlebih dahulu sebelum menularkan sebarang berita yang tidak diketahui kebenarannya. Usah cepat menyampaikan sesuatu sedangkan ia palsu," katanya pada sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan Ketua Polis Pahang di Alor Akar di sini semalam.

Pada perhimpunan tersebut turut diadakan Majlis Penyerahan Kenderaan Toyota Hilux Double Cab dan Mitsubishi Outlander kepada Jabatan Dan Daerah Kontinjen Pahang.

Terdahulu, tular di Youtube sebuah video berdurasi 12 saat me-



Tular di media sosial berkaitan Empangan Cameron Highlands yang terpaksa dibuka bagi mengelak empangan pecah.

maparkan dakwaan visual empangan Cameron Highlands dengan air deras yang turut dimuat cetak dan diedarkan ke aplikasi WhatsApp.

Dalam pada itu, Abd Jalil memberi amaran kepada orang ramai agar tidak menyebarkan maklumat palsu menerusi sistem pesanan ringkas (SMS) atau media sosial kerana ia adalah kesalahan di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.